



PERBADANAN SUKAN SARAWAK

NOTIS IKLAN SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor / Pembekal yang berdaftar dengan Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) dalam Kategori dan Jenis Pendaftaran yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan dan perkhidmatan berikut:-

No. Ruj. Sebutharga	Tajuk Sebutharga	Kategori, Kepala & Sub- Kepala		Jenis Tawaran	Yuran Dokumen (RM)	Tarikh Mula dan Tarikh Tutup Penjualan Dokumen Sebutharga	Tarikh Tutup dan Masa Penyerahan Dokumen Sebutharga
SSC/Q/03/2025	Building Cleaning Services for Sports Facilities under Sarawak Sports Corporation at Beluru District for Ten (10) Months	UPKJ: Bekalan dan Perkhidmatan		Bumiputera Sahaja	Dibayar dalam bentuk bank draf atau tunai atas nama "Perbadanan Sukan Sarawak" RM100.00 (tidak dikembalikan)	18 Februari 2025 hingga 25 Februari 2025 <u>Isnin – Khamis</u> 9.00 am – 12.00pm 2.00pm-4.00pm <u>Jumaat</u> 9.00 am – 11.00am 2.30pm-4.00pm	26 Februari 2025 Sebelum 12.00 tengahari
		Kategori	C				
		Kepala	VII				
		Sub-Kepala	3(a)(i) dan 3(a)(ii)				
MAKLUMAT MENGENAI NOTIS SEBUTHARGA BOLEH DIPEROLEHI DI DALAM LAMAN WEB RASMI PERBADANAN SUKAN SARAWAK www.ssc16.gov.my							


2. Dokumen Sebut Harga hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ), SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (jika berkenaan) dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (Jika Berkenaan) sebelum dokumen sebut harga dijual kepada Pembekal / Kontraktor yang layak
3. Bayaran Yuran Dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank** atau **Tunai** yang dibayar atas nama **PERBADANAN SUKAN SARAWAK** untuk pembelian di Unit Akaun, Stadium Perpaduan, Jalan Stadium, Petra Jaya, Kuching.
4. Contoh Dokumen Sebut Harga boleh disemak dan Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi mulai **18 Februari 2025 hingga 25 Februari 2025** pada waktu pejabat di Unit Akaun, Stadium Perpaduan, Jalan Stadium, Petra Jaya, Kuching.
5. Penyebutharga adalah dikehendaki untuk mengemukakan dokumen sebutharga lebih awal dari tarikh dan masa tutup yang ditetapkan untuk mengelakkan kesukaran dan kesulitan semasa berurusan untuk mengemukakan dokumen sebutharga pada hari sebutharga ditutup.
6. Ini adalah berikutan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi oleh pelawat sebelum memasuki premis kerajaan dan bagi memastikan petender sebelum tarikh dan masa tutup sebutharga.
7. Perbadanan Sukan Sarawak tidak akan bertanggungjawab sekiranya penyebut harga lewat untuk mengemukakan dokumen sebut harga pada masa dan tarikh yang ditetapkan disebabkan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi sebelum memasuki premis kerajaan.

8. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan sampul berlakri serta mempunyai catatan Nombor Rujukan Sebut Harga dan Tajuk Sebut Harga. Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan selewat-lewatnya jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah:-

Pengerusi
c/o Jawatankuasa Sebut Harga
Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Tingkat 2, Stadium Sarawak
Jalan Stadium, Petra Jaya
93050, Kuching
Sarawak

9. Dokumen Sebut Harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
10. Perbadanan Sukan Sarawak tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"



KHAIRUL NIZAM BIN MORSHIDI
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Sukan Sarawak